

ORANG KITA SA 31/3/08 Pg. TB.

Nama: Riswadi Azmi | Umur: 29 tahun | Asal: Kampung Losong Panglima Perang | Jawatan: Pegawai Hal Ehwal Islam Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Selit aspek pembangunan sahsiah untuk penuntut IPT

SOALAN: Apakah pandangan anda mengenai masalah sosial dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) pada masa kini?

Bagi saya, golongan mahasiswa kini menunjukkan akhlak yang baik dan tidak timbul masalah sosial dalam kalangan mereka. Mungkin hanya segelintir sahaja yang terlibat dengan gejala tidak sihat ini tetapi situasi itu masih boleh dibendung. Kebanyakan mereka berjaya membuktikan kejayaan cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik malah akhlak' dan sahsiah.



SOALAN: Bagaimanakah cara terbaik untuk mengatasi masalah sosial dalam kalangan pelajar IPT?

Bagi saya, peranan rakan sebaya amat penting kerana kita sedia maklum, majoriti daripada pelajar ini berjauhan daripada keluarga. Jadi hanya rakan sebaya sahaja yang mampu membantu antara mereka. Selain itu, setiap program yang dianjurkan pihak IPT hendaklah sentiasa menyelitkan aspek pembangunan sahsiah dan kerohanian.

SOALAN: Apakah nasihat anda kepada pelajar IPT masa kini?

Saya nasihatkan mereka supaya sentiasa menjaga tingkah laku dan akhlak serta buktikan kejayaan terbaik kepada masyarakat luar. Jangan sia-siakan masa depan. Sentiasa mencintai dan menerokai ilmu kerana dengan ilmu kita akan disanjung dan Tuhan juga menyayangi orang yang berilmu.